

# Usim labur RM30 juta untuk ICT

**U**NIVERSITI Sains Islam Malaysia (Usim) melabur RM30 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8) dan RMK-9 bagi menyediakan prasarana serta kemudahan berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta penyelidikannya.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin, berkata pelaburan besar itu sejajar dengan matlamat penubuhan universiti itu untuk memartabat dan memperkasakan pendidikan Islam dengan penekanan penggunaan ICT lebih menyeluruh.

Katanya, tumpuan terhadap penyediaan perkakasan serta perisian ICT yang lebih kondusif dan terkini bagi meningkatkan kualiti pendidikan manakala sistem penyampaian menepati Hala Tuju Teras dan Strategi Usim 2008-2015.

“Usaha universiti kini semakin menampakkan kejayaan apabila pelbagai sistem serta perisian berjaya dibangunkan bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran.

“Antaranya sistem perpustakaan universiti, pangkalan data jurnal, sistem myLMS (sistem pembelajaran secara elektronik) selain perisian pengajaran seperti SPSS, SAS, Metastock, Mathematica, Tell Me More, Dynamic English (DynEd).

“Selain itu, Sistem Maklumat Universiti Bersepadu dan sistem sokongan atas talian seperti MyAkrab, MyOASIS, MyOFIS, e-IRIS, e-Nilai dan e-Undi turut dibangunkan hasil penggunaan ICT yang diintegrasikan dalam proses P&P dan penyelidikan,” katanya pada majlis perasmian Unit Perkhidmatan Pergigian dan pelancaran sistem e-klinikal di kampus Usim Pandan Indah, Kuala Lumpur, baru-baru ini.